

POLARAX SYRUP

Dexchlorpheniramine Maleate (2mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Polarax Syrup
2. Bagaimana Polarax Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Polarax Syrup
4. Cara menggunakan Polarax Syrup
5. Semasa menggunakan Polarax Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Polarax Syrup
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Polarax Syrup

Polarax Syrup digunakan merawat simptom alergi rinitis (radang membran mukus dalam hidung) perenial (sepanjang tahun) dan bermusim, rinitis vasomotor (bukan alergi), simptom alergi kulit seperti urtikaria (ruam merah dan gatal yang timbul) dan angioedema (kebengkakan dalam lapisan bawah kulit), pemulihan reaksi alergi terhadap darah atau plasma dan dermatografisme (kulit menjadi merah dan timbul apabila dikenakan tekanan). Ia juga digunakan sebagai terapi tambahan kepada epinephrine bagi reaksi anafilaksis (reaksi alahan yang teruk).

Bagaimana Polarax Syrup berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Dexchlorpheniramine Maleate. Ia merupakan antihistamina dengan ciri-ciri antikolinergik. Dexchlorpheniramine Maleate boleh menghasilkan kesan sedatif yang sederhana. Ia berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi tertentu (histamine) yang badan anda hasilkan semasa reaksi alahan.

Sebelum menggunakan Polarax Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Polarax Syrup jika anda:

- alah kepada dexchlorpheniramine atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut produk).
- mempunyai batuk, bunyi nafas yang berdehit, atau kesukaran bernafas (simptom saluran pernafasan bahagian bawah).
- mempunyai episod asma yang akut.
- mempunyai sekatan kencing.
- mengambil rawatan untuk kemurungan.

Polarax Syrup tidak boleh digunakan pada bayi yang baru lahir atau pra-matang kerana mungkin menyebabkan tindak balas yang teruk seperti sawan.

Mengandung dan penyusuan bayi

Beritahu doktor anda jika anda fikir anda mungkin mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan anak. Polarax Syrup harus digunakan pada situasi tersebut hanya jika betul-betul diperlukan.

-Sebelum mula mengguna

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai :-

- asma bronkial
- glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata)
- kelenjar tiroid terlalu aktif
- penyakit kardiovaskular (masalah jantung atau saluran darah)
- tekanan darah tinggi

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Terdapat beberapa ubat-ubatan yang boleh bertindak balas dengan Polarax Syrup. Anda harus memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil mana-mana yang berikut:-

- Monoamine oxidase (MAO) inhibitor untuk kemurungan.
- Alkohol, tricyclic antidepressants, barbiturat atau agen depresi sistem saraf pusat yang lain.
- Antikoagulasi oral (menghalang proses pembekuan darah).

Cara menggunakan Polarax Syrup

- Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan oral.

Dos yang biasa untuk orang dewasa dan kanak-kanak 12 tahun dan ke atas: 5ml setiap 4 hingga 6 jam.

Kanak-kanak 6 hingga 11 tahun: 2.5ml setiap 4 hingga 6 jam.

Kanak-kanak 2-5 tahun: 1.25ml setiap 4 hingga 6 jam.

- Bila perlu digunakan

Gunakan Polarax Syrup apabila diperlukan dan mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom dos berlebihan boleh menyebabkan kesan sedasi (mengantuk), apnea (berhenti bernafas sementara), mengurangkan kewaspadaan mental, denyutan jantung berhenti, kesukaran untuk tidur, halusinasi, ketar, sawan ataupun kematian. Simptom dos berlebihan yang lain termasuk pening, bunyi berdering dalam telinga, penglihatan kabur, atau tekanan darah rendah.

Kanak-kanak mungkin mengalami tremor (ketar), sawan, mulut kering, anak mata yang tetap atau membesar, kulit kemerahan, suhu badan yang tinggi, dan masalah gastrousus.

Semasa menggunakan Polarax Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Polarax Syrup.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Polarax Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Polarax Syrup terhadap anda. Jika ubat ini menyebabkan anda rasa kurang sihat, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Polarax Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

- rasa mengantuk
- tidak dapat menumpukan perhatian
- keletihan
- pening
- tekanan darah rendah
- kelemahan otot
- loya, muntah, cirit-birit atau sembelit
- kembung perut atau sakit epigastrik
- sakit kepala
- penglihatan kabur
- sukar membuang air kencing
- mulut kering
- sesak dada
- berat atau kelemahan tangan
- bunyi berdering di dalam telinga
- anoreksia (kehilangan selera makan)
- mimpi ngeri

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan sampingan lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

**Cara penyimpanan dan pelupusan
Polarax Syrup**

- Penyimpanan

Simpan pada atau dibawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap jernih berwarna jingga dan berperisa nenas.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif

- Dexchlorpheniramine Maleate

- Bahan- bahan tidak aktif

- Sodium Benzoate
- Citric Acid
- Quinoline Yellow 70E
- Orange Red Powder PCS 906223
- Pineapple PCA 906223
- Glycerin
- Coarse Sugar

- Nombor MAL

MAL19861206AZ

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran
Produk**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
9,11 & 17 Jalan Kempas 4,
Taman Perindustrian Tampoi Indah,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

27/02/2025

Nombor Siri

NPRA(R4/1)280125/00009